

## KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN	
TARIKH	:	23/12/2019	MUKA SURAT : 3
JABATAN	:	SPAN / LUAS / IWK	
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>	

# 1.5 juta penduduk 366 kawasan terjejas

Bekalan hanya akan pulih dalam dua hingga tiga hari

Oleh Rafidah Mat Ruzki, Muhammad Yusri Muzamir dan Ekhwani Haque Fazlul Haque [bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**Bangi:** Lebih 1.5 juta penduduk di 366 kawasan di Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang terjejas susulan penutupan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih akibat pencemaran bau sejak pagi kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian, berkata bekalan air membabitkan 336,930 akaun pengguna itu hanya akan pulih dalam dua hingga tiga hari, jika nilai pencemaran air berada pada paras sifar ton, iaitu tiada langsung pencemaran bau.

“Operasi pembersihan sisa kimia sehingga paras bau mencapai bacaan sifar ton sedang giat dijalankan sejak semalam (kelmarin) sebelum air dapat dilepaskan semula ke Sungai Semenyih untuk diproses di LRA.

“Pemantauan dan persampelan yang dijalankan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) di Sungai Berembang dan sehingga jam 9.30 pagi tadi (semalam) paras bau sudah mencapai sifar ton dan di harap berterusan bagi membolehkan air disalurkan semula ke sungai untuk diproses,” katanya pada sidang media di Loji Kumbahan Indah Water Konsortium (IWK) di Bandar Bukit Mahkota, di sini, semalam.

Sementara itu, bekalan air di dua hospital kerajaan iaitu di Hos-



Loy Sian memantau proses penyedutan bahan kimia berhubung insiden pencemaran bau yang mengakibatkan LRA terpaksa ditutup di Bandar Bukit Mahkota, Bangi, semalam.

pital Serdang dan Hospital Bangi ditutupi berikutan kejadian penutupan loji air di Semenyih, Selangor.

Ketua Pengerah Kementerian Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, menjelaskan ca-tuan itu terpaksa dilakukan bagi memastikan perkhidmatan kesihatan di hospital berkenaan dapat dijalankan.

“Cautan air terpaksa dijalankan untuk memastikan perkhidmatan kesihatan seperti pembe-dahan dan lain-lain dapat di-jalankan,” katanya menerusi ci-apan di laman Twittrnya, awal pagi semalam.

Hospital Serdang menerusi sta-tus di laman Facebooknya me-

maklumkan sudah mengaktifkan pelan kontingensi gangguan be-kalan air.

“Sehubungan itu, semua pihak dinasihatkan untuk mengguna-jasama semua pihak amatlah di-haragai,” katanya.

Sementara itu, LUAS, dalam sa-tu kenyataan, memaklumkan lim-pahan minyak kehitaman dikesan pada satu pembetung dalam ja-ringan sistem pembetungan di Bandar Bukit Mahkota.

Sehubungan itu, pelepasan air ke sungai dihentikan dan rawatan menggunakan Hidrogen Peroksi-da kristal (CHP) dimulakan pada jam 1 tengah hari kelmarin.

“Kerja pembersihan dan penye-

dutan bahan yang disyaki sisa bahan terjadual itu mula dilak-kan pada jam 4 petang oleh pihak IWK, menggunakan dua lori tangki berkapasiti lima meter padu.

“Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, juga me-ngarahkan intervensi segera pi-hak IWK untuk meneruskan kerja pembersihan dan penyedutan sisa itu supaya implikasi pencemaran dapat dikurangkan dan bekalan air terawat dapat disalurkan se-mula dengan kadar segera.

“Karbon yang diaktifkan juga disediakan oleh LUAS dalam ke-adaan siap siaga sekiranya diper-lukan di takat pelepasan akhir LRR ke sungai,” menurut kenya-taan itu.